

**PERUTUSAN  
PERHIMPUNAN BULAN MAC 2015  
YBHG DATUK KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

**MUKADIMAH**

Terlebih dahulu marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah dan kurniaNya pada hari ini, buat julung-julung kalinya di bawah pelan transformasi perkhidmatan awam bermula bulan Mac 2015 saya akan memberi perutusan khas kepada semua penjawat awam yang berkhidmat di KBS.

Aspirasi perutusan khas ini adalah bagi membolehkan kita semua sebagai warga kerja team KBS sentiasa seja sekata dalam melaksanakan tugas harian yang diamanahkan. Ini kerana setiap seorang daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan nama baik kementerian ini kekal terpelihara serta sentiasa disanjung tinggi oleh semua peringkat komuniti masyarakat.

Bagi memastikan hasrat dan cita-cita murni yang dinyatakan di atas terlaksana, yakinlah bahawa setiap seorang daripada kita perlu menjiwai dan mempraktiskan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas sehari-harian.

## **PEMBUDAYAAN INTEGRITI**

Sebagai penjawat awam, kita harus sedar bahawa kerajaan sebenarnya telah memperkenal dan melancarkan pelbagai program bagi memantap dan mempertingkatkan nilai integriti perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini akan gagal dan sia-sia jika kita tidak mempunyai rasa amanah dan jatidiri yang kuat.

*"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."*

*(Surah Al-Anfaal:27)*

Kita harus sedar, Integriti secara umumnya adalah berkaitan dengan harga dan maruah diri serta penghormatan. Ia tidak boleh dibeli dengan wang ringgit tetapi diperolehi melalui penghayatan nilai-nilai murni dan etika kerja yang cemerlang. Aspek integriti sangat penting dan perlu dijaga pada setiap masa sebagai seorang individu dan juga sebagai seorang pegawai awam.

Integriti bukan sahaja menyentuh perkara-perkara mengenai rasuah tetapi melibatkan juga sikap acuh tak acuh, melewati-lewatkan tugas, menyembunyikan perkara-perkara penting, tidak jujur dan sebagainya. Seseorang yang berintegriti dengan sendirinya memiliki sifat-sifat amanah, bersih, cekap, berkesan, bersikap positif dan nilai-nilai murni yang lain.

Untuk itu, bagi saya semua penjawat awam di KBS seharusnya mempunyai nilai-nilai Integriti yang kukuh dengan tidak melakukan perkara-perkara seperti berikut :

- i. Menggunakan kemudahan pejabat untuk kepentingan peribadi;
- ii. Ponteng kerja atau keluar minum sebelum masa yang ditetapkan;
- iii. Membocorkan rahsia-rahsia rasmi kerajaan dan negara;
- iv. Menganggotai pertubuhan-pertubuhan haram dan mengancam keselemanan negara;
- v. Memburuk-burukkan serta memperkecilkan dasar-dasar kerajaan;
- vi. Membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam;
- vii. Mengamalkan Rasuah dan Penyalahgunaan Kuasa;
- viii. Menggunakan pengaruh-pengaruh luar semasa melaksanakan tugas terutamanya untuk kepentingan peribadi; dan
- ix. Berkelakuan yang boleh menjelaskan imej KBS dan perkhidmatan awam.

Oleh itu, bagi meningkatkan nilai integriti dalam perkhidmatan, semua warga kerja team KBS seharusnya :

- i. Melaksanakan kuasa dan amanah yang diberikan dengan sebaiknya dengan berlandaskan kepada semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
- ii. Melaksanakan tugas pada masa yang ditetapkan;
- iii. Tidak mengutamakan kepentingan peribadi dalam pelaksanaan tugas;
- iv. Memperkuuhkan nilai dan jatidiri kendiri; dan

- v. Berusaha untuk meningkatkan pencapaian dari semasa ke semasa dan jangan cepat berpuas hati dengan pencapaian semasa.

Seterusnya, bagi pegawai awam yang tidak berintegriti dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan mereka boleh dikenakan tindakan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Untuk makluman kita semua, secara statistiknya sebanyak 20,434 orang penjawat awam telah dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh lima tahun sejak 2009 sehingga Jun 2014. Daripada jumlah itu 4,743 dibuang kerja, 125 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbang kenaikan pangkat untuk tempoh 48 bulan, 963 lagi diturunkan gaji serta tidak akan dipertimbang kenaikan pangkat selama 36 bulan.

Sementara, sebanyak 2,048 orang pula ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan manakala 3,491 lagi dilucutkan hak emolumen serta tidak akan dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan. Sebanyak 3,373 orang dikenakan denda maksimum tujuh hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan serta 10,531 diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.

Oleh itu, saya nasihatkan jangan jadikan diri kita sebahagian daripada data statistik tersebut. Ini kerana kesan dan natijahnya pada masa hadapan adalah amat besar kepada setiap penjawat awam yang terlibat khususnya dalam kemajuan kerjaya masing-masing.

## **PENUTUP**

Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya jika setia seorang daripada kita mempunyai nilai jatidiri dan integriti yang kuat, hasrat kementerian ini untuk menjadi kementerian contoh akan terlaksana dan diharapkan usaha-usaha yang berterusan ini akan dapat membentuk keperibadian dan jatidiri yang unggul dalam kalangan warga team KBS serta memupuk sikap bertanggungjawab bagi memberi perkhidmatan yang terbaik.

Akhir kata adalah menjadi harapan saya agar kita semua akan terus menerus menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa demi memastikan pencapaian tertinggi dalam pembangunan belia dan sukan akan dapat dizahirkan.

Sekian saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih

**DATUK JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
MALAYSIA**